



MODUL

BAHASA MELAYU

TAHUN 5

UNIT 26 DAHULUKAN

YANG UTAMA

NAMA : _____

KELAS : _____

 SUMBER
PENDIDIKAN.COM

UNIT 26 Dahulukan Yang Utama

Sahabat Inspirasiku

(menulis Kembali cerita yang dibaca)

Tokoh Murid Inspirasi

A malan kebiasaan baharu oleh Aiman Hamidon semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak COVID-19 memberikan inspirasi kepada murid lain.

Dia sangat mengutamakan kesihatan dan keselamatan diri. Dia mematuhi saranan kerajaan untuk terus kekal di rumah dan mengamalkan kebersihan diri.

Aiman juga tidak mengabaikan pembelajaran. Dia mematuhi jadual pembelajaran secara dalam talian oleh gurunya. Dia turut membantu rakannya yang tiada kemudahan Internet.

Dia juga amat prihatin akan keluarga yang terjejas akibat PKP. Dia membantu ibu bapanya membungkus barangan makanan untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan.

Semangat Membara

(menulis jawapan dengan alasan yang kritis dan kreatif)

Afifi telah menyapa Danish yang kelihatan mengelamun.

Afifi: Hai, Danish! Termenung panjang, nampaknya. Mengapa?

Danish: Eh, Afifi! Duduklah. Sebenarnya, saya dalam dilema. Saya tidak tahu untuk membuat pilihan.

Afifi: Pilihan apa pula, Danish?

Danish: Sebenarnya, saya telah terpilih untuk mewakili sekolah dalam acara olahraga. Namun begitu, saya juga perlu menghadiri ujian kenaikan tali pinggang tae kwon do pada hari yang sama di pusat latihan.

Afifi: Kalau begitu, kamu perlu memilih bidang yang lebih utama dan berpotensi dalam mengembangkan bakat kamu. Bukankah kamu pernah memenangi Anugerah Atlet Harapan Sekolah?

Danish: Betul, Afifi. Sukan olahraga telah lama saya ceburi. Pada setiap tahun, pasti ada pingat yang bakal saya bawa pulang. Namun begitu, saya bercita-cita untuk mendapatkan tali pinggang hitam. Jika saya hadir dalam ujian kali ini, saya berpeluang untuk menjadi ahli tae kwon do pertama daripada sekolah kita yang mendapat tali pinggang hitam.

Afifi: Danish, temasya olahraga daerah hanya berlangsung sekali setahun. Inilah peluang kamu untuk memberikan sumbangan kepada sekolah. Pada masa yang sama, bakat dalam bidang ini dapat kamu kembangkan.

Danish: Baiklah, Afifi. Lagipun ujian kenaikan tali pinggang itu akan diadakan lagi nanti.

Afifi: Danish, kamu perlu bijak membuat pilihan. Utamakan perkara yang lebih penting. Bukan senang untuk terpilih mewakili sekolah.

1. Apakah perkara yang mengganggu fikiran Danish?

2. Mengapakah Danish harus mengutamakan sukan olahraga?

3. Jika kamu Danish, sukan manakah yang akan kamu pilih? Mengapa?

4. Nyatakan kebaikan dan cabaran menyertai pelbagai aktiviti kokurikulum.

Pesan Bonda

Menulis perumpamaan dalam tulisan jawi

Seperti isi dengan kuku

Peribadi yang Baik
Membina ayat aktif dan pasif

Ayat aktif	Ayat pasif
Hakim menyelesaikan kerja sekolah sebelum keluar bermain.	
Hakim lebih menggemari aktiviti riadah berbanding dengan permainan gajet.	
	Kemudahan teknologi untuk pembelajaran perlu kita utamakan.
	Hakim kena puji oleh guru kerana selalu bertanya jika tidak faham.